


Carta Alir Permohonan Baru *Credentialing Pre Hospital Care Services*



Proses Kerja Permohonan Baru *Credentialing Pre Hospital Care Services*

Huraian Proses

1. Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan baru ***Application For Credentialing Cred 1-(2018)*** dan perlu mendapatkan sokongan serta ditandatangani oleh Ketua Jabatan @ Pakar Lawatan Klinikal Kecemasan.
2. Lampirkan salinan-salinan sijil Diploma/ Ijazah yang diiktiraf serta berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan dan Lembaga Jururawat Malaysia, sijil Perakuan Pembaharuan Tahunan (APC), sijil pos basik AEMTC/ ADEC atau sijil lulus BLS, TLS dan ALS yang diiktiraf setaraf oleh NCORT serta sijil lulus *National PHCS ALS Competency*.
3. Borang *Grading for Credentialing in Pre Hospital Care Services (Form B)* lengkap diisi dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan@ Pakar Lawatan Klinikal Kecemasan.
4. Ringkasan buku log (*summary log book*) lengkap diisi bagi yang tiada pos basik dan disahkan oleh Ketua Jabatan@Pakar Lawatan Klinikal Kecemasan.
5. Kepilkan gambar ukuran passport dengan beruniform lengkap.
6. Penyelia perlu menyemak semula borang permohonan dengan teliti. Hanya borang permohonan yang lengkap sahaja dihantar ke Lembaga Pembantu Perubatan dan Bahagian Kejururawatan.
7. Borang permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses** dan dikembalikan semula kepada pemohon.